

GARIS PANDUAN DOA DI MAJLIS-MAJLIS RASMI/SEPARUH RASMI DALAM ANGKATAN TENTERA

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-19
6 Oktober 1987

TUJUAN

Tujuan garis panduan ini disediakan adalah untuk dijadikan panduan dalam Angkatan Tentera Malaysia khasnya atau institusi-institusi yang lain amnya.

LATAR BELAKANG

1. Memang sudah menjadi satu kelaziman dalam masyarakat kita bahawa setiap pekerjaan yang dilakukan, kita amat mengharapkan 'inayah serta berkat dari Allah SWT. Justeru itu, doa adalah satu daripada jalan yang sering kita gunakan untuk mendapat 'inayah dan keberkatan yang dimaksudkan. Dilihat daripada ayat-ayat Al-Quran dan Hadith Nabi s.a.w., memang pun doa ini digalakkan sesuai dengan kedudukannya sebagai sebahagian daripada cabang ibadah, malahan bagi mereka yang enggan berdoa secara sombong itu, mereka adalah dari golongan *Almustakbirin* di mana balasannya ialah kehinaan semata-mata.
2. Sehubungan dengan itu juga, Rasulullah SAW bersabda dalam sepotong hadis yang diriwayatkan daripada Luqman dan Basyir yang bermaksud: "*Doa itu adalah ibadah*".
3. Dengan ini jelas bahawa doa adalah satu ibadah yang wajar dihayati dengan baik dan saksama sesuai dengan kedudukannya sebagai cabang syariat Islam itu sendiri.

KANDUNGAN

Terdapat dua bahagian dalam garis panduan ini iaitu bahagian pertama dimasukkan perkara-perkara yang bersangkutan dengan pentafsiran, dan

pada bahagian kedua dimasukkan perkara-perkara yang bersangkutan dengan pelaksanaan.

Bahagian 1

1. Tafsiran

- i. Doa
- ii. Majlis rasmi / tidak rasmi

(1) Bagi **maksud doa** dalam panduan ini ialah apa-apa sahaja ibadah khusus yang berbentuk:

- i. Doa
- ii. Sembahyang fardhu / sunat
- iii. Majlis-majlis zikir
 - a) Bacaan Al-Quran
 - b) Tahlil
 - c) Takbir hari raya
 - d) Selawat-selawat / pujian kepada nabi
 - e) dan mana yang sama dengan di atas

2. Bagi **maksud majlis rasmi** dalam panduan ini ialah sebarang perhimpunan atau perjumpaan yang dikira sebagai menjalankan tugas rasmi dengan menghadirkan diri dalam atau luar waktu pejabat. Sedang majlis tidak rasmi ialah sebarang perhimpunan atau perjumpaan yang dianjurkan oleh mana-mana badan atau orang perseorangan yang tidak dianggap atau dikira sebagai menjalankan tugas rasmi dengan menghadirkan diri dalam perhimpunan atau perjumpaan tersebut sama ada dalam atau luar waktu pejabat.

Bahagian 2

1. Pelaksanaan

- i. Sebarang doa yang disebut diperenggan (1), jika hendak diadakan di majlis-majlis rasmi atau tidak rasmi hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada pegawai agama markas atau pengkalan atau

- pasukan atau mana-mana yang berkenaan.
- ii. Pegawai agama dengan amanah dan penuh bertanggungjawab serta bertakwa kepada Allah hendaklah memberi nasihat, pandangan, teguran dan bimbingan dengan hikmah dan bijaksana kepada pihak-pihak yang berkenaan dalam hal-hal doa atau perkara-perkara yang bersangkutan bagi memastikan atau menentukan sama ada doa yang hendak dilakukan itu bertepatan dengan kehendak syarak atau sebaliknya.
 - iii. Penganjur-penganjur majlis hendaklah mengambil kira faktor-faktor yang diperturunkan di bawah ini dalam menentukan sama ada doa dalam mana-mana atau apa-apa majlis patut diadakan atau tidak:
 - a) Tempat
 - b) Masa / waktu
 - c) Suasana / kandungan
 - d) Tujuan
 - e) Penganjur

2. Tempat

Di mana doa hendak diadakan hendaklah mempunyai ciri-ciri yang tidak bercanggah dengan syarak. Bagi maksud ini:

- i. tugu-tugu peringatan
- ii. kolam-kolam renang
- iii. tempat-tempat yang dipenuhi dengan patung-patung sama ada patung-patung yang berupa manusia, binatang berhala dan yang serupa dengannya;

adalah dikira sebagai tempat yang bercanggah dengan ciri-ciri syarak.

3. Masa atau waktu

Sesuatu majlis hendak diadakan hendaklah diambil kira untuk menentukan sama ada doa patut diadakan atau tidak. Dalam maksud ini, majlis-majlis yang diadakan pada waktu yang menyebabkan atau membawa orang yang menghadirinya tidak berpeluang menunaikan yang wajib maka doa tidak harus diadakan. Maka termasuk dalam maksud ini ialah:

- i. majlis makan malam yang diadakan pada waktu Maghrib.
- ii. upacara yang melibatkan waktu Jumaat sehingga luputnya waktu.
- iii. semua majlis atau upacara yang sama dengan perenggan (i) dan (ii) di atas.

4. Suasana atau kandungan

Suatu majlis atau upacara yang hendak diadakan hendaklah diambil kira jika doa hendak diadakan, maka adalah tidak harus doa diadakan dalam majlis-majlis atau upacara-upacara yang kandungannya tidak islamik, sekalipun tempat dan masa tidak bercanggah dengan pandangan syarak. Bagi maksud ini, doa di majlis-majlis yang bercampur-aduk antara lelaki dan perempuan secara bebas, majlis yang diadakan tari-menari, majlis yang dihidangkan dengan minuman atau makanan yang haram, majlis yang disertakan dengan muzik maka doa tidak harus diadakan sama ada sebelum atau selepas majlis itu bermula. Bagi majlis-majlis perkahwinan, doa dibenarkan hanya pada majlis akad sahaja adapun dalam majlis persandingan doa adalah dilarang.

5. Tujuan

Satu-satu doa itu mestilah mempunyai tujuan-tujuan ibadat dan menepati tujuan-tujuan syarie, jika sesuatu doa itu diadakan bukan kerana tujuan-tujuan yang syarie maka doa tidak harus diadakan atau disertakan.

6. Penganjur

Pastikan penganjur yang menganjurkan mana-mana majlis secara perseorangan atau di atas nama mana-mana pertubuhan itu seorang yang muslim. Jika penganjurnya bukan muslim maka doa tidak harus diadakan, perenggan ini untuk mengelak berlakunya doa dan sembahyang hajat dilakukan di rumah orang-orang perseorangan atau badan-badan yang bukan Islam.

PENUTUP

Dengan rangka panduan ini adalah diharap dapat menjadi garis panduan dalam melaksana tugas-tugas harian dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) khasnya dan badan-badan lain amnya.